



KENYATAAN MEDIA

PENCEMARAN BAU DI SUNGAI SEMENYIH

- Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah dimaklumkan bahawa berlakunya pencemaran bau yang tinggi di Sungai Semenyih yang mencapai sehingga 7 ton pada jam 3:20 petang (26 Jun 2019). Sehubungan itu, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih telah dihenti tugas pada jam 5:00 petang.
- Berdasarkan siasatan, punca bau telah dikenalpasti daripada sebuah kilang memproses minyak sawit mentah kepada minyak sawit bersih di sekitar kawasan Semenyih.
- LUAS telah mengarahkan kilang terlibat untuk menghentikan operasi dan pelepasan bagi membendung pencemaran daripada menjadi lebih buruk. Langkah pembendungan menggunakan *activated carbon* (AC) juga dilakukan oleh LUAS dan pensampelan dijalankan di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan di antara titik pelepasan kilang berkenaan sehingga ke Sg. Rinching sejauh 450 meter yang mana seterusnya mengalir ke Sg. Semenyih.
- Sehingga jam 6 pagi tadi, kesan bau telah menurun sehingga 0 ton dan LRA Sg. Semenyih telah beroperasi semula secara berperingkat.
- LUAS sedang meneliti tindakan-tindakan berkaitan yang boleh diambil berdasarkan Enakmen LUAS 1999 terhadap pelaku seperti perintah di bawah Seksyen 121(1) Enakmen LUAS 1999 yang mana boleh dikeluarkan kepada pihak kilang supaya menghentikan operasi kerja-kerja bagi tujuan melindungi alam sekitar, kesihatan dan keselamatan awam.
- Bagi mengikuti perkembangan terkini sila layari laman sesawang LUAS <https://luas.gov.my/v3/my/> atau *facebook* di carian Lembaga Urus Air Selangor

